

ENAKMEN MAKANAN HAIWAN 2021

1.0 AKTIVITI YANG MEMERLUKAN LESEN

1.1 Seksyen 5(1)(a)
MENGEKSPORT makanan
haiwan atau makanan
tambahan makanan haiwan

1.2 Seksyen 5(1)(b)
MENGIMPORT makanan
haiwan atau bahan tambahan
makanan haiwan

1.3 Seksyen 5(1)(c)
MEMBUAT apa-apa
makanan haiwan

2.0 PEMATUHAN SPESIFIKASI MAKANAN HAIWAN DAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

2.1 Seksyen 17(1)
Yang dieksport, diimport, diedarkan, dimiliki,
dijual, digunakan, dibuat atau diberi makan
kepada haiwan

2.2 Seksyen 17(2)
Yang diimport perlu menjalani pemeriksaan
oleh pihak berkuasa veterinar



3.0 PEMATUHAN SYARAT-SYARAT PENYIMPANAN, PENSTORAN, PEMBUNGKUSAN, PELABELAN DAN PENGANGKUTAN DI BAWAH SEKSYEN 18(1)

3.1 Sesiapa yang melanggar seksyen 18(1) boleh didenda tidak melebihi **RM50,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **1 tahun** atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi **RM100,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **2 tahun** atau kedua-duanya.

4.0 KAWALAN PENGGUNAAN ANTIBIOTIK, HORMON DAN BAHAN KIMIA LAIN KE DALAM MAKANAN HAIWAN

4.1 Seksyen 19(1)(a) dan (b)
Tiada seorang pun boleh membubuh atau memasukkan apa-apa antibiotik, hormon atau bahan kimia lain ke dalam makanan haiwan tanpa mengikut takat yang ditetapkan

4.2 Seksyen 20(1)
Tiada seorang pun boleh memiliki makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi antibiotik, hormon atau bahan kimia lain yang pencampurannya tidak dibenarkan di bawah Enakmen ini atau perundangan subsidiarinya

Pautan Permohonan Lesen Import & Eksport:
<https://exim.davetsa.sabah.gov.my/login>

Atau imbas kod QR



Penalti bagi setiap kesalahan berikut:

- 1) Sesiapa yang tidak memiliki lesen yang sah di bawah seksyen 5(1)(a), (b) dan (c)
- 2) Melanggar seksyen 17(1) dan (2), seksyen 19(1)(a) dan (b) atau seksyen 20(1)
"Didenda tidak melebihi **RM100,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **2 tahun** atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi **RM200,000.00** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **4 tahun** atau kedua-duanya."